



**PERATURAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL
DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
(UTeM)**

PERATURAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka dengan ini membuat peraturan berikut:

1.0 NAMA DAN PEMAKAIAN

- a. Peraturan ini boleh dinamakan Peraturan Penggunaan Media Sosial Universiti Teknikal Malaysia Melaka (selepas ini hendaklah dirujuk sebagai "Peraturan").
- b. Peraturan ini bertujuan untuk melaksanakan amalan berhemah penggunaan media sosial di kalangan warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (selepas ini hendaklah dirujuk sebagai "UTeM").
- c. Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua Staf, Pelajar, Pekerja Bukan Staf dan Pelawat yang berada di Kawasan Kampus.

2.0 TAFSIRAN

Dalam peraturan ini jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Kawasan Kampus” ertinya kawasan Kampus UTeM termasuk tanah, bangunan, kolej kediaman yang ada di dalam :-

- (a) Kampus Induk UTeM;
- (b) Kampus Teknologi UTeM;
- (c) Kampus Bandar UTeM;
- (d) Kolej kediaman UTeM; dan
- (e) mana-mana Kawasan Kampus dan kolej kediaman UTeM yang didirikan dari semasa ke semasa.

“**LPU**” ertinya Lembaga Pengarah Universiti sepertimana yang disebutkan di dalam Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka;

“**Media Sosial**” ertinya sejenis media yang digunakan terus secara talian yang membolehkan pengguna menyertai, berkongsi, dan mencipta isi meliputi blog, rangkaian sosial seperti *Facebook, Youtube, Instagram, Twitter* dan sebagainya secara virtual;

“**PPPC**” ertinya Pejabat Pengurusan Dan Perhubungan Canselori UTeM;

“**Pekerja Bukan Staf**” ertinya seseorang bukan Staf UTeM yang menjalankan sesuatu kerja di dalam Kawasan Kampus;

“**Pelajar**” ertinya seseorang pelajar berdaftar UTeM;

“**Pelawat**” ertinya mana-mana orang selain daripada Staf, Pelajar dan Pekerja Bukan Staf yang berada di Kawasan Kampus;

“**Persatuan / Kesatuan**” ertinya Persatuan / Kesatuan yang ditubuhkan di UTeM seperti UTeMASA, PRAKTIS, KEKUTeM dan lain-lain Persatuan / Kesatuan yang ditubuhkan oleh UTeM dari semasa ke semasa;

“**PTj**” ertinya Pusat Tanggungjawab di UTeM;

“**Staf**” ertinya mana-mana orang yang diambil kerja oleh UTeM samada secara tetap, kontrak, sementara, sambilan, dan termasuk seseorang yang berkhidmat di UTeM secara pinjaman yang dibayar emolumen oleh UTeM.

3.0 **UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI**

3.1 Peraturan ini hendaklah dipakai bersama-sama dengan peruntukan undang-undang berikut:-

3.1.1 Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 termasuklah apa-apa pindaan dan apa-apa perundangan subsidiari di bawahnya;

SULIT

- 3.1.2 Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 termasuklah apa-apa pindaan dan apa-apa perundangan subsidiari di bawahnya;
 - 3.1.3 Akta Rahsia Rasmi 1972 termasuklah apa-apa pindaan dan apa-apa perundangan subsidiari di bawahnya;
 - 3.1.4 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 termasuklah apa-apa pindaan dan apa-apa perundangan subsidiari di bawahnya;
 - 3.1.5 Kaedah-kaedah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009; dan
 - 3.1.6 mana-mana undang-undang, kaedah atau peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
- 3.2 Peraturan ini boleh dibaca bersama garis panduan berikut:-
- 3.2.1 Garis Panduan Tatacara Pemilihan Kandungan Media Sosial MAMPU;
 - 3.2.2 Dasar dan Amalan Terbaik Penggunaan Media Sosial di Sektor Awam;
 - 3.2.3 Garis Panduan Pelaksanaan Blog Bagi Agensi Sektor Awam; dan
 - 3.2.4 apa-apa garis panduan yang berkuat kuasa di UTeM dari semasa ke semasa.
- 3.3 Tiada apa-apa jua peruntukan di dalam Peraturan ini boleh mengurangkan tanggungan Staf, Pelajar, Pekerja Bukan Staf dan Pelawat bagi apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.
- 3.4 Kegagalan mana-mana Staf, Pelajar, Pekerja Bukan Staf dan Pelawat mematuhi mana-mana atau keseluruhan peruntukan Peraturan ini boleh dikenakan tindakan berdasarkan undang-undang, kaedah atau peraturan yang berkuat kuasa.

4.0 PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL

4.1 Pernyataan dan hebahan kandungan media sosial hendaklah tepat dan tidak menjejaskan kepentingan UTeM. Oleh kerana penyebaran dan perkongsian maklumat di media sosial sering kali berlaku secara spontan dan terbuka, maka tatacara pemilihan muat naik bahan **hendaklah dipatuhi** semasa membuat pemilihan kandungan media sosial:-

4.1.1 Setiap hebahan kandungan media sosial yang akan dimuat naik oleh mana-mana Staf, Pelajar, Pekerja Bukan Staf, Pelawat dan Persatuan / Kesatuan hendaklah disahkan dahulu ketepatan dan kesahihannya oleh PTj yang berkenaan.

4.1.2 Kandungan media sosial **tidak menyentuh** aspek-aspek berikut:-

- a) maklumat rahsia UTeM, maklumat peribadi staf, pelajar, alumni atau pihak-pihak yang bekerjasama atau rakan kerjasama UTeM (*University Partners*);
- b) isu-isu sensitif seperti agama, politik dan perkauman yang boleh menyentuh sensitiviti umum;
- c) unsur-unsur lucu, fitnah, hasutan dan menyalahi undang-undang termasuk dan tidak terhad kepada penyebaran bahan yang membabitkan perjudian, senjata dan aktiviti-aktiviti penganas;
- d) perkara-perkara yang mengaibkan individu/kumpulan tertentu;
- e) bahan-bahan yang mempunyai hakcipta dan harta intelek pihak lain dengan pihak UTeM; dan
- f) iklan-iklan berkaitan perniagaan dan pemasaran di media sosial rasmi UTeM / PTj dan media sosial selain daripada media sosial rasmi UTeM / PTj hendaklah terlebih dahulu arahan dan kebenaran UTeM.

4.1.3 Mematuhi setiap peraturan dan polisi yang dikeluarkan oleh setiap media sosial yang berkenaan.

SULIT

4.2 Penggunaan logo UTeM hanya dibenarkan kepada media sosial rasmi UTeM sahaja.

5.0 TANGGUNGJAWAB PENGENDALI MEDIA SOSIAL PTj

5.1 Pengendali media sosial merujuk kepada Staf yang telah dipertanggungjawabkan untuk mengemaskini dan memuat naik bahan di akaun rasmi media sosial di PTj. Pengendali media sosial hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi sepanjang menguruskan akaun rasmi media sosial:-

5.1.1 Menyemak dan mengemas kini kandungan media sosial secara berterusan;

5.1.2 Menyemak dan memilih foto dan video yang sesuai untuk dimuat naik dan mematuhi kriteria seperti berikut:

- a) Foto dan video haruslah berkaitan dengan pelaksanaan program atau acara rasmi UTeM / PTj;
- b) Foto dan video yang dimuat naik mesti disertakan penerangan (*caption*) yang mengandungi nama program / acara, tarikh, masa, tempat dan tetamu yang menghadirinya; dan
- c) Foto dan video tersebut boleh meningkatkan imej dan nama baik universiti.

5.1.3 Memberi maklum balas kepada pertanyaan selewat-lewatnya dalam tempoh **tiga (3) hari** bekerja;

5.1.4 Memberi maklum balas menggunakan ayat yang lengkap dan menunjukkan profesionalisme dan sekiranya ada kritikan dari pihak luar, jawab dan komen dengan berhemah dan sentiasa menunjukkan rasa hormat kepada semua pihak;

SULIT

- 5.1.5 Menapis komen, pernyataan atau maklumat daripada pengguna berdasarkan tatacara pemilihan muat naik bahan seperti yang dinyatakan di perenggan 4 Peraturan ini;
- 5.1.6 Memadamkan pautan kepada iklan atau perkhidmatan komersil yang ditawarkan oleh pihak luar atau lain-lain pautan yang tidak berkaitan dengan UTeM;
- 5.1.7 Mengutamakan nama baik dan imej serta rahsia UTeM dalam setiap komen/ pernyataan atau maklumat yang dikongsi di media sosial;
- 5.1.8 Membuat pembetulan atau ralat dan diikuti dengan permohonan maaf kepada mana-mana pihak yang berkenaan secara terbuka sekiranya terdapat kesilapan pada mana-mana hebahan atau maklumat yang telah dimuat naik;
- 5.1.9 Memastikan media sosial hanya digunakan bagi urusan rasmi UTeM sahaja; dan
- 5.1.10 Menggalakkan dan mempromosikan penggunaan media sosial UTeM.

6.0 TANGGUNGJAWAB PENGGUNA MEDIA SOSIAL PERIBADI (AKAUN PERIBADI)

- 6.1 Pengguna media sosial peribadi adalah merujuk kepada Staf, Pelajar, Pekerja Bukan Staf dan Pelawat yang mempunyai kemudahan dan capaian internet dengan status “Staf UTeM” atau “Pelajar UTeM” di media sosial seperti *Facebook, Youtube, Instagram, Twitter* dan sebagainya. Pengguna media sosial peribadi **hendaklah memastikan** perkara-perkara berikut dipatuhi sepanjang menguruskan media sosial peribadi:-
 - 6.1.1 Mengutamakan nama baik dan imej serta rahsia UTeM dalam setiap komen/ pernyataan atau maklumat yang dikongsi di media sosial;
 - 6.1.2 Membuat pembetulan atau ralat dan diikuti dengan permohonan maaf kepada mana-mana pihak yang berkenaan secara terbuka sekiranya

terdapat kesilapan pada mana-mana hebahan atau maklumat yang telah dimuat naik;

6.1.3 Sebarang bentuk maklumat yang dikongsi dan disebar melalui media sosial haruslah tidak menjejaskan kepentingan perkhidmatan UTeM dan kedaulatan negara; dan

6.1.4 Tidak melibatkan penyebaran maklumat dan dokumen terperingkat.

7.0 HARTA INTELEK UTeM

7.1 Semua harta intelek UTeM seperti hakcipta, tanda niaga, paten dan sebagainya serta kandungannya termasuk maklumat, teks, imej, grafik, logo, fail audio, fail video dan bahan-bahan berkaitan adalah kepunyaan UTeM kecuali dinyatakan sebaliknya.

7.2 Pengendali media sosial UTeM hendaklah memastikan harta intelek dari mana-mana sumber luar yang bukan milik UTeM tidak digunakan tanpa kebenaran pihak yang berkenaan.

8.0 JAWATANKUASA CYBER TROOPERS UTeM

8.1 Jawatankuasa *Cyber Troopers* UTeM adalah terdiri daripada:

Penaung : Naib Canselor
Ketua Penyelaras : Pengarah PPPC
Penyelaras : Penolong Pendaftar, Pejabat Naib Canselor

Ahli Jawatankuasa:

- a) Seorang wakil dari Pusat Jaringan Industri dan Masyarakat;
- b) Seorang wakil dari Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);
- c) Seorang wakil dari Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

- d) Tiga (3) orang wakil dari Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) - Pentadbiran;
- e) Seorang wakil dari Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) – Pengurus Asrama;
- f) Seorang wakil dari Pejabat Pembangunan;
- g) Seorang wakil dari Bahagian Pengurusan Akademik;
- h) Seorang wakil dari Pejabat Pengurusan Kenderaan Universiti;
- i) Dua (2) orang wakil dari Pusat Perkhidmatan Pengetahuan & Komunikasi;
- j) Seorang wakil dari Pejabat Penasihat Undang-Undang;
- k) Tiga (3) orang wakil dari PPPC – kumpulan teknikal.

8.2 Terma Rujukan Jawatankuasa *Cyber Troopers* UTeM

- a) Menangani isu-isu semasa di media sosial berkaitan UTeM;
- b) Bertindak sebagai penyalur maklumat dan memberikan maklum balas yang pantas terhadap isu dan perkara yang dibangkitkan;
- c) Memastikan keselarasan dan keseragaman maklum balas; dan
- d) Membantu meningkatkan sistem perkhidmatan dan imej UTeM.

8.3 Fungsi Jawatankuasa *Cyber Troopers* UTeM:

- a) Mengenal pasti maklumat-maklumat yang disampaikan dari pihak agensi pusat, masyarakat dan warga UTeM yang memerlukan penjelasan terhadap perkara-perkara tertentu;
- b) Bertindak sebagai penyalur maklumat utama berkenaan isu yang dibangkitkan menerusi media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan media cetak seperti akhbar kepada kumpulan teknikal Jawatankuasa *Cyber Troopers* UTeM;

- c) Menyelaras dan memberi maklum balas segera terhadap isu-isu dan perkara-perkara yang dibangkitkan kepada kumpulan teknikal Jawatankuasa *Cyber Troopers* UTeM; dan
- d) Memberikan maklum balas dalam bentuk yang interaktif, jelas dan menyeluruh.

9.0 PELEPASAN TANGGUNGJAWAB

Pihak UTeM tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa jua tuntutan, tuntutan ganti rugi dan sebagainya oleh Staf, Pelajar, Pekerja Bukan Staf dan Pelawat yang berpunca daripada kegagalan mematuhi mana-mana bahagian atau keseluruhan daripada peruntukan Peraturan ini.

10.0 TARIKH KUATKUASA

Tarikh berkuat kuasa Peraturan Penggunaan Media Sosial di Universiti Teknikal Malaysia Melaka adalah dari tarikh LPU meluluskan Peraturan ini.